

# 'HOODING CEREMONY'

## RAI GRADUAN PHD DAN PENYELIA UniMAP

KANGAR, 26 Oktober - Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengadakan majlis penghargaan kepada semua siswazah Doktor Falsafah (PhD) dan penyelia mereka sempena Istiadat Konvokesyen ke-12 UniMAP di Hotel Putra Regency, di sini.

Seramai 75 siswazah iaitu 35 antarabangsa dan 40 tempatan diraikan sebagai lambang kejayaan mereka mengharungi perit getir pengajian Doktor Falsafah. Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal ketika berucap merasmikan majlis berkenaan melahirkan harapan agar alumni siswazah PhD sentiasa berhubung dengan penyelia-penyelia serta rakan-rakan di UniMAP.

Katanya, siswazah PhD akan menjadi simbol harapan dan kejayaan masa depan generasi UniMAP dengan perkongsian kepakaran bidang masing-masing kepada mereka seterusnya menyuntik semangat mereka meneruskan pengajian sehingga mencapai kejayaan. "Justeru saya berharap kita semua dapat memartabatkan nama UniMAP dengan berkongsi cerita kebaikan universiti ini walau di mana kita berada selepas ini," katanya.

Pada tahun lalu (2016), siswazah PhD adalah seramai 50 orang iaitu 17 antarabangsa dan 33 tempatan sekaligus menunjukkan peningkatan bagi tahun ini. Dalam majlis itu turut diraikan siswazah PhD yang berjaya dilahirkan dari kalangan staf pentadbiran iaitu Dr. Ruswahida Ibnu Ruslan yang merupakan penolong pendaftar di Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) UniMAP yang menyambung pengajian menerusi skim cuti belajar staf pentadbiran.

Mereka menerima skrol masing-masing pada Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen ke-12 universiti itu yang disampaikan Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada 28 Oktober 2017.

